

**PACAT BAKAU**  
Mangrove Pitta

FAMILI: Pittidae  
NAMA SAINTIFIK: *Pitta megarhynch*

**CIRI-CIRI**

Individu dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Pacat Sayap Biru, *P.moluccensis*, tetapi ia mempunyai bahagian paruh yang lebih besar dan panjang manakala bahagian mahkota kepala berwarna coklat (bahagian tengah kurang terdapat warna hitam). Individu ini mempunyai bahagian bawah badan yang sedikit pudar manakala bahagian dagu yang berwarna keputihan. Bagi individu juvenil pula, ia mempunyai bahagian bulu yang lebih pudar.

**SAIZ**

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 18-21 sm.

**MAKANAN**

Makanan utama spesies ini terdiri daripada semut dan serangga-serangga kecil yang lain. Ia juga memakan cacing, larva dan juga siput yang dipecahkan pada permukaan batu.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan paya bakau.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi seperti bunyi spesies Pacat Sayap Biru, *P.moluccensis*, tetapi bunyi yang dikeluarkan adalah lebih kabur dan cepat *wieuw-wieuw*.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mac-Ogos di mana sarang dibina berbentuk seperti bola atau kubah pada permukaan tanah dan kadangkala di kawasan semak dan belukar, pada ketinggian sehingga ke 1 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah di antara 2-4 biji berwarna putih serta terdapat bintik-bintik berwarna coklat gelap ke merah hati pudar dan bahagian bawah yang berwarna ungu pudar ke warna kelabu (kadangkala lebih kepada bahagian hujung). Telur ini mempunyai ukuran di antara 29-31.7 X 23.5-24.7 mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.